

Anak Tok Batin mahu balas jasa

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN
berita@kosmo.com.my

JEMPOL - Tidak ada yang lebih mengembirakan buat seorang anak Orang Asli dari Kampung Batu Peti dekat sini apabila cita-citanya untuk bergelar seorang doktor akhirnya tercapai.

Amri Dahdi, 27, merupakan doktor pertama dalam masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan.

Ayahnya, Dahdi Kooh, 67, merupakan Tok Batin di kampung tersebut manakala ibunya, Leha Pakpot, 67, mengambil upah menganyam rotan.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu memberitahu, ketika kanak-kanak, dia bercita-cita mahu menjadi doktor haiwan namun ia mula berubah ketika meningkat remaja.

"Saya fikir jika menjadi seorang doktor saya boleh menjaga keluarga dengan baik. Sebagai seorang anak, saya ingin balas jasa ibu bapa yang bersusah payah membe-

sarkan saya," jelasnya.

Anak bongsu daripada sembilan beradik itu memulakan tugas sebagai doktor pada tahun 2010 di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan kini bertugas di Hospital Jempol sejak sembilan bulan lalu.

"Saya tidak pernah malu untuk beritahu saya anak Orang Asli malah berbangga. Saya gembira apabila ada pihak yang tahu bahawa anak Orang Asli juga boleh berjaya.

"Tiga kakak saya merupakan guru, seorang kakak anggota polis serta ada abang saya yang menjadi pensyarah dan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia.

"Jika mahu diimbaz, saya pernah rasa kekok ketika mula belajar di Sekolah Kebangsaan Rompin, Pahang. Saya tidak pernah berpeluang untuk ke tadika dan terus ke darjah satu," katanya yang berasal daripada suku kaum Semelai.

Amri turut memberitahu, dia mempunyai impian untuk membuka sebuah klinik sendiri di kawasan Jempol dan mahu mencurahkan jasa kepada penduduk di kam-



AMRI



AMRI (tengah) beramah mesra bersama kanak-kanak di Kampung Orang Asli Batu Peti dekat Jempol, Negeri Sembilan semalam.

pungnya.

"Ini merupakan antara perancangan saya. Jika saya berjaya buka klinik ini, saya akan memberikan harga istimewa khas buat masyarakat Orang Asli.

"Saya berharap anak-anak Orang Asli menggunakan kemudahan yang ada untuk menuntut ilmu. Buktikan kepada masyarakat bahawa kita juga boleh berjaya dan mampu mengubah nasib keluarga," tegasnya.